

12 Ogos 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

SUNGAI MUDA: TIADA ASAS BAGI KEDAH TUNTUT CAJ AIR MENTAH DARI PULAU PINANG.

- **PBAPP mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di wilayah Pulau Pinang.**
- **Sungai Muda merupakan sungai yang mengalir secara semula jadi melalui Pulau Pinang. Kedah tidak mengepam air mentah ke Pulau Pinang.**
- **Pulau Pinang telah mengabstrak air mentah tanpa caj dari Sungai Muda selama 44 tahun kerana tiada perjanjian, kontrak atau caj yang disebut.**

PULAU PINANG, Sabtu (12/8/2017): Tiada asas undang-undang, sejarah atau geografi bagi Kedah untuk mendakwa bahawa ia kehilangan pendapatan kerana gagal untuk mengenakan caj air mentah kepada Pulau Pinang untuk pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda.

Pada 31/7/2017 dan 1/8/2017, beberapa akhbar dan media *online* menerbitkan laporan berita yang memetik Laporan Ketua Audit Negara 2016 - Kedah Siri 1 sebagai menyatakan bahawa "bayaran air yang tidak dikenakan menyebabkan Kerajaan Negeri Kedah kehilangan pendapatan."

Ternyata bahawa tuntutan Kedah adalah berdasarkan hujah bahawa Sungai Muda terletak hanya di Kedah, seperti yang dinyatakan dalam laporan tersebut.

Hujah yang menyatakan Sungai Muda terletak secara eksklusif di Kedah adalah tidak tepat.

Sejarah, Memorandum Persefahaman (MoU), Undang-undang Persekutuan, Enakmen Negeri Pulau Pinang dan Kedah, dan geografi menunjukkan fakta bahawa Sungai Muda mengalir secara semula jadi melalui wilayah Pulau Pinang.

Perspektif Sejarah

Mengikut perjanjian 1869 yang ditandatangani antara Britain dan Siam (Thailand), sempadan negeri “asal” yang memisahkan Pulau Pinang dan Kedah adalah sepanjang 30.5km tebing utara Sungai Muda. Oleh itu, Sungai Muda yang sepanjang 30.5km pada asalnya dianggap sebagai “wilayah Pulau Pinang” dan bukannya “di Kedah”.

Pada 25/10/1982, Pulau Pinang dan Kedah menandatangani MoU antara kerajaan dengan kerajaan untuk ‘menyelaraskan semula sempadan negeri’ ke tengah-tengah Sungai Muda. Pulau Pinang juga menyerahkan tanah seluas 27.7 ekar (10.88 hektar) kepada Kedah selepas pembinaan Ampang Jajar Rantau Panjang.

Sebagai balasan, Kedah menyediakan “jaminan air” kepada Pulau Pinang untuk melaksanakan “Projek Bekalan Air Pulau Pinang” yang juga dikenali sebagai “Skim Air Sungai Muda”.

Pada 16/10/1985, jaminan air oleh Kedah telah dinyatakan dalam Sidang Parlimen yang mencadangkan Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985 (Akta 325) diluluskan. Semasa perbahasan parlimen tahun 1985, Ahli Parlimen (Ahli Parlimen) Kuala Kedah, Dato Haji Mohd. Abu Bakar Rautin bin Ibrahim berkata:

“Negeri Kedah telah bersetuju dengan perjanjian untuk membekalkan air, iaitu perjanjian antara Negeri Pulau Pinang dan Bank Pembangunan Asia (ADB) yang telah menyatakan bahawa sebelum pinjaman diluluskan untuk Program Bekalan Air Pulau Pinang, Negeri Kedah perlu menjamin bekalan air dari tadahan di Ulu Sungai Muda yang terletak di Kedah.”

Akta Kedah dan Pulau Pinang (Pengubahan Sempadan) 1985 (Akta 325) kemudiannya telah diluluskan dan dimasukkan sebagai Akta dalam Artikel 2 Perlembagaan Persekutuan.

Pada 4/7/1985, kedua-dua Pulau Pinang dan Kedah mewartakan enakmen negeri yang meletakkan sempadan negeri di “garis pusat” Sungai Muda. Ringkasnya, Pulau Pinang bersetuju dengan persempadanan semula dengan Kedah dan menyerahkan sebahagian daripada wilayah kepada Kedah, sebagai pertukaran untuk “jaminan air” pada tahun 1985.

Kedah menerima tanah itu dan menyediakan “jaminan air” untuk memudahkan pinjaman ADB yang diatur oleh Kerajaan Persekutuan untuk Skim Air Sungai Muda.

Sehingga hari ini, peta Malaysia menggambarkan sempadan antara Pulau Pinang dan Kedah adalah di tengah-tengah Sungai Muda.

8 Sebab Kenapa Pulau Pinang Tidak Perlu Diminta untuk Bayar

1. Skim Air Sungai Muda telah dibuka secara rasminya oleh Tun Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri kedua Malaysia, pada 9/11/1973.

Semasa upacara pembukaan tahun 1973, tidak ada menyebut mengenai caj air mentah. Juga, tiada apa-apa caj disebut dalam MoU 1985, Akta Kedah dan Pulau Pinang (Penggubahan Sempadan) 1985 (Akta 325), dan Enakmen Negeri 4/7/1985.

Ini menunjukkan bahawa tiada niat untuk apa-apa caj air mentah yang akan dikenakan, dan oleh itu, tiada caj dikenakan pada hari ini.

2. Pulau Pinang mengabstrak air mentah dari Sungai Muda di wilayahnya sendiri. Ia tidak mengabstrak air mentah di wilayah Kedah. Oleh itu, Pulau Pinang tetap dengan “hak ripariannya” (hak air) untuk mengabstrak air dari Sungai Muda tanpa caj.
3. Pulau Pinang mengabstrak air mentah dari Sungai Muda dengan sumber dan kos sendiri. Abstraksi oleh Pulau Pinang tidak menjejaskan Kedah satu “sen” pun. Oleh kerana tiada kos yang terlibat, maka tiada sebarang caj dikenakan.
4. Sungai Muda adalah sungai yang mengalir secara semula jadi ke laut. Johor mengenakan caj kepada Melaka untuk mengepam air mentah ke Melaka, tetapi Kedah tidak mengepam air mentah ke Pulau Pinang. Dengan sendirinya, secara semula jadi air mentah dari Sungai Muda sampai ke Pulau Pinang.
5. Pulau Pinang mengabstrak air “di hilir” loji rawatan air Kedah dan muka sauk pengairan. Kedah telah membina empangan untuk melepaskan air ke Sungai Muda semasa musim kemarau tetapi tujuan utama rizab Empangan Beris dan Empangan Muda adalah untuk abstraksi oleh Kedah.

Dengan kata lain, Pulau Pinang mengambil “air lebihan” yang jika tidak, ia hanya mengalir ke Selat Melaka.

6. Pengambilan air mentah Pulau Pinang dari Sungai Muda ketika musim hujan membantu mengelak atau mengurangkan banjir di wilayah selatan Kedah.
7. Sejak tahun 1973, Pulau Pinang telah mengabstrak air mentah dari Sungai Muda selama kira-kira 44 tahun tanpa caj. Tiada alasan untuk dikenakan caj “tiba-tiba” hari ini kerana pengambilan Pulau Pinang tidak:
 - menjejaskan abstraksi Kedah sendiri di hulu sungai;
 - tiada sebarang kos ditanggung oleh Kedah; atau
 - Melanggar, atau menjejaskan, hak Kedah untuk mengabstrak air dari Sungai Muda.
8. Kedah terus memberi lesen pembalakan di kawasan tadahan Ulu Muda yang mengumpul air hujan bagi Sungai Muda dan sistem air mentah lain di Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER).

Pembalakan menjejaskan kuantiti dan kualiti air di Sungai Muda, dan harus diharamkan sepenuhnya di kawasan tadahan air yang merangkumi 163,000 ha kawasan hutan. Sepatutnya, Ulu Muda perlu dipulihara dan diwartakan sebagai Tadahan Air NCER.

Kedah perlu mendapatkan pampasan persekutuan (sebagai ganti premium hutan) daripada Kerajaan Persekutuan kerana Ulu Muda berfungsi sebagai tadahan air untuk tiga negeri NCER: Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Perlu diingat bahawa jaminan bekalan air adalah elemen penting untuk kehidupan dan kemajuan NCER, kini dan pada masa akan datang. Perlu juga diingatkan bahawa menurut Jabatan Perangkaan (statistics.gov.my), Perlis, Pulau Pinang dan Kedah menyumbang kira-kira 10.4% daripada KDNK Malaysia pada tahun 2014. Pada tahun 2016, diramal KDNK Malaysia bernilai RM1.106 trilion oleh Perbendaharaan Malaysia (treasury.gov.my).

Oleh itu, Pulau Pinang bukan hanya satu-satunya negeri NCER yang mendapat manfaat daripada Ulu Muda sebagai tadahan air. Menurut

Jabatan Perangkaan (statistics.gov.my), anggaran penduduk Perlis, Pulau Pinang dan Kedah adalah 4.09 juta orang pada 2016.

Oleh yang demikian, pewartaan dan pemuliharaan Ulu Muda harus dianggap sebagai isu NCER yang memerlukan perhatian, pembiayaan dan perundangan Persekutuan.

Secara ringkasnya, kami ingin menegaskan perkara-perkara berikut

- Pulau Pinang tetap dengan hak ripariannya untuk abstrak air dari Sungai Muda, dalam wilayah Pulau Pinang, tanpa caj.
- Tidak ada asas undang-undang, sejarah atau geografi untuk Kedah menuntut sebarang bayaran atau yuran dari Pulau Pinang, berkaitan dengan air mentah dari Sungai Muda. Oleh itu, Kedah tidak boleh mendakwa mengalami kerugian kerana gagal mengenakan caj ke atas Pulau Pinang.
- Daripada cuba menuntut tuntutan yang tidak wujud dari Pulau Pinang, Kedah harus menghentikan pembalakan di Ulu Muda, dan mendapatkan pampasan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mewartakan dan memelihara 163,000 ha. hutan sebagai Tadahan Air NCER bagi manfaat 4.09 juta orang.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my